



06 FEB, 2026

OPERASI BENIH AWAN

Harian Metro, Malaysia



AIR EMPANGAN BUKIT MERAH, TASIK TEMENGGOR SUSUT

OPERASI BENIH AWAN

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
am@hmetro.com.my

Ipoh

Cuaca panas sejak beberapa bulan lalu menyebabkan paras air di Empangan Bukit Merah dan Tasik Temenggor susut mendadak.

Berikutan itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak mencadangkan pelaksanaan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di dua kawasan tadahan air berkenaan bagi mengurangkan kesan kemarau ketika ini.

Exco Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam Perak, Datuk Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin berkata, ia sebagai langkah mitigasi strategik bagi meningkatkan peluang hujan dan seterusnya mengelakkan pember-

hentian bekalan air pengairan dan domestik sekiranya keadaan kemarau berterusan.

Beliau berkata, hasil pemantauan bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap sistem empangan Sungai Perak mendapati paras air Tasik Temenggor berada pada tahap rendah berikutan kadar kemasukan air semula jadi yang terhad dari kawasan tadahan.

“Ia susulan taburan hujan yang berkurangan sejak beberapa bulan kebelakangan ini,” katanya.

Menurutnya, keadaan itu memberi kesan rantaian kepada empangan di hilir iaitu Tasik Bersia, Tasik Kennering dan Tasik Chenderoh yang kini turut berada hampir pada paras operasi minimum.

Beliau berkata, antara implikasi yang perlu juga diambil kira kemerosotan aktiviti eko-pelancongan di kawasan hulu Sungai Perak termasuk Tasik Temenggor dan Tasik Raban susulan

paras air rendah, selain risiko jangka sederhana terhadap jaminan bekalan air dan penjanaan tenaga elektrik.

“Ia termasuk sokongan operasi penjanaan Stesen Janakuasa Janamanjung yang menyumbang 25 peratus keperluan tenaga Semenanjung Malaysia yang berkait rapat dengan kestabilan bekalan air negeri,” katanya.

Menurutnya, bagi mengurangkan kesan kemarau itu langkah kawalan dalaman dilaksanakan termasuk pelaksanaan catuan bekalan pengairan mengikut kompartmen serta penggunaan pam-pam bergerak di beberapa lokasi terjejas dengan kerjasama JPS dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kerian.

“Bagi mitigasi dan kelestarian pengurusan sumber air Perak, JPS Perak secara rasmi sudah memohon pelaksanaan OPA di dua kawasan tadahan itu kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan

(SUK) Perak bagi mengelakkan pemberhentian bekalan air pengairan, domestik dan memastikan kelestarian sumber air Sungai Perak dapat terus dipelihara secara menyeluruh dan bersepadu,” katanya.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan bacaan paras air Sungai menyusut hingga menampakkan beting pasir sebesar hampir keluasan padang bola sepak di beberapa kawasan khususnya di daerah Perak Tengah, selain di Kuala Kangsar berikutan cuaca kering yang berterusan.

“
Taburan hujan
berkurangan
beberapa bulan
kebelakangan ini
Mohammad
Nizar



KEADAAN pemandangan air Sungai Perak yang surut berikutan musim kemarau di Jambatan Nordin, Tanjung Belanja, kelmarin. Cuaca panas dan ketiadaan hujan berpanjangan dipercayai menjadi antara faktor utama penyusutan paras air Sungai Perak di kawasan Tanjung Belanja, Parit, sekali gus memberi kesan nelayan kecil di kawasan itu.